

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 JUN 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Loji biometionina, tiokimia jana RM20.4b	Utusan Malaysia
2	Malaysia Peneraju bioteknologi mesra alam	Berita Harian
3	Potensi Pelaburan	Harian Metro
4	Terengganu peneraju pusat bioteknologi negara	Utusan Malaysia
5	Fasiliti Biometionina di Kerteh jadikan Malaysia pemain utama sektor bioteknologi dunia	Bernamea.com
6	World's 1 st bio-methionine plant	New Straits Times
7	Gempa bumi sederhana 5.9 landa Sabah	Bernamea.com
8	Housemate killed over RM8,000 debt	The Star
9	Politeknik lahir graduan penuhi keperluan industri	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 5 JUN 2015 (JUMAAT)



SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN menandatangani plak perasmian loji biometionina & tiokimia di Taman Biopolymer, Kertih sambil disaksikan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd. Rahman (kiri) dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah (dua dari kiri) di Kemaman, semalam. - UTUSAN/ AZLAN BAHNUM

Loji biometionina, tiokimia jana RM20.4b

Oleh ISWAN SHAFIQ MAT ISA
pengarang@utusan.com.my

■ KEMAMAN 4 JUN

SEBANYAK 2,500 peluang pekerjaan baharu dijangka diwujudkan menjelang tahun 2020 hasil pembangunan fasiliti bersepadu biometionina dan tiokimia pertama dunia, di Taman Biopolimer Kertih (KBP) di sini dengan nilai pelaburan RM2.1 bilion.

Syarikat berpangkalan di Perancis, Arkema; CJ CheilJedang (Korea Selatan), Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dalam satu kenyataan bersama di sini memberitahu, ini termasuklah 474 pekerja yang akan diambil oleh CJ dan Arkema selaku pemilik fasiliti bersepadu tersebut.

"Sebanyak 60 peratus daripada mereka ini (474 pekerja) terdiri daripada pekerja teknikal dan pekerja berasaskan pengetahuan peringkat tinggi seperti ahli mikrobiologi, ahli kimia, jurutera dan ahli bioteknologi.

"Untuk tempoh jangka panjang

pula, projek ini dijangka menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM20.4 bilion," katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian projek tersebut yang disempurnakan oleh Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin hari ini, Ketua Pegawai Eksekutif Arkema, Thierry Le Henaff berkata, Malaysia khususnya Kertih merupakan lokasi strategik bagi melebarkan sayap perniagaan mereka di Asia.

"Malaysia berada di tengah-tengah kumpulan pengedar yang membangun dengan pesat, mempunyai populasi Zon Pusat Kece-merlangan Asia Pasifik (APAC Zone) yang tinggi serta pasaran utama kami dari Jepun, China dan Korea Selatan hingga ke selatan Australia dan barat India.

"Justeru, kami yakin yang projek ini akan memberi keuntungan kepada semua pihak," katanya yang memberitahu projek tersebut merupakan yang terbesar di bawah kendalian syarikatnya setakat ini.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif CJ Bio Malaysia, John Kang pula, pihaknya percaya KBP akan menjadi hab utama bagi syarikat-syarikat

industri bioteknologi untuk tahun-tahun akan datang.

"Loji biometionina di Kertih akan menjadi lokasi utama yang strategik untuk pasaran yang baharu muncul di China dan Asia. Saya percaya ini adalah permulaan inovasi utama dari CJ BIO," ujar beliau.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp., Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal pula menyifatkan, negara sepatutnya berbangga kerana menerima fasiliti biometionina berasaskan penapaian pertama dan terbesar di dunia serta platform tiokimia yang terbesar di Asia.

Turut sependapat dengan beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Seri Jebasingam Issace John yang mahu fasiliti bersepadu itu dimanfaatkan sebaik mungkin.

"Saya melihat BKP ini mampu menawarkan pelbagai peluang komersial kepada syarikat-syarikat bioteknologi dari seluruh dunia.

"Kami juga yakin bahawa kehadiran gergasi global seperti CJ dan Arkema akan menarik kemasukan lebih banyak penggiat bioteknologi bertaraf dunia ke taman industri ini dalam masa terdekat," katanya.



Sultan Mizan diiringi (dari kiri) Abu Bakar, Le Henaff, Ahmad Razif (lima dari kiri) dan Kyung Shik (dua dari kanan) merasmikan projek biometionina dan tiokimia di Kertih, semalam.

[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/ BH]

MALAYSIA

PENERAJU BIOTEKNOLOGI MESRA ALAM

» Projek Arkema, CJ di Kertih mampu jana pendapatan kasar RM20.4b

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin
hanneeyzah@bh.com.my

Kemudahan bersepadu biometionina dan tiokimia pertama dunia yang membabitkan pelaburan RM20.4 bilion di Taman Biopondok Kertih, Kemaman, akan memulakan pengeluarannya pada tahun 2020. Projek usaha sama CJ Cheil-Jedang (CJ) dari Korea dan Arkema dari Perancis itu, juga bakal meletakkan Malaysia sebagai peneraju serta pemain utama di dunia dalam sektor bioteknologi perindustrian mesra alam.

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp), Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata projek yang dipromosikan secara bersama oleh BiotechCorp dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) itu juga bakal mewujudkan 2,500 pekerjaan 'hijau' di Malaysia menjelang tahun 2020.

Pelaburan terbesar bioteknologi

Katanya, ia termasuk 474 pekerja akan diambil oleh CJ dan Arkema, dengan 60 peratus terdiri daripada pekerja teknikal dan pekerja berasaskan pengetahuan peringkat tinggi seperti ahli mikrobiologi, kimia dan bioteknologi, selain jurutera.

Beliau berkata, kemudahan pengeluaran bersepadu baharu di kawasan seluas 70 hektar di TBK itu adalah pelaburan terbesar dalam sektor bioteknologi Malaysia setakat ini.

"Projek ini mempunyai potensi pelaburan keseluruhan sebanyak RM3 bilion dalam tempoh 10 tahun," katanya selepas perasmian projek bersepadu itu di TBK, Kertih, Kemaman, semalam.

Majlis perasmian disempur-

nakan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

Yang turut hadir, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman; Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah; Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Seri Jebasingam Issace John; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Arkema, Thierry Le Henaff dan Pengerusi CJ Group, Sohn Kyung Shik.

Sementara itu, Kyung Shik berkata, kemudahan bersepadu itu sudah mengeksport kumpulan pertama asid amino

“Projek dipromosikan BiotechCorp dan ECERDC itu juga bakal mewujudkan 2,500 pekerjaan 'hijau' di Malaysia menjelang tahun 2020”

Mohd Nazlee Kamal,
Ketua Pegawai Eksekutif
BiotechCorp

penting (EAA) yang dihasilkan di TBK ke Indonesia pada bulan Januari lalu.

Pasaran baharu

"Loji biometionina di Kertih ini akan menjadi lokasi strategik untuk pasaran baharu di China dan Asia," katanya.

CJ adalah peneraju dunia dalam bidang bioteknologi perindustrian dengan inovasi bidang penapaian dan penulenan.

Dalam pada itu, Le Henaff berkata, Malaysia dan Kertih adalah pilihan tepat untuk projek strategik itu kerana ia sejajar dengan strategi global Arkema, selain menandakan komitmen syarikat itu di Asia.

Arkema yang memiliki teknologi platform tiokimia tersendiri adalah sebuah syarikat kimia bertaraf global dan pengeluaran utama bahan kimia khusus.

Platform tiokimia Arkema di TBK menghasilkan methyl mercaptan iaitu sejenis perantara sulfur yang juga bahan utama dalam penghasilan biometionina.

Biometionina adalah sejenis asid amino yang biasa digunakan dalam pembuatan makanan haiwan.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 70
TARIKH: 5 JUN 2015 (JUMAAT)

■ TBK bakal
pacu Malaysia
peneraju
utama sektor
bioteknologi

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my
Checklist

Pembukaan fasiliti bersepadu bio-metionina dan tiokimia di Taman Biopolimer Kerteh (TBK), di sini, bakal meletakkan Malaysia sebagai peneraju utama di dunia dalam sektor bioteknologi perindustrian mesra alam.

Projek bernilai RM2.1 bilion milik CJ Cheiljedang (CJ) dari Korea Selatan dan syarikat Perancis, Arkema yang pertama di dunia itu dibina di kawasan seluas 70 hektar menggunakan proses penaipan dalam menghasilkan bio-metionina, sejenis asid amino yang biasa digunakan dalam pembuatan makanan haiwan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata, projek yang dipromosikan secara bersama de-



SULTAN Mizan Zainal Abidin menandatangani plak perasmian TBK.

Potensi pelaburan

ngan BiotechCorp dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) itu adalah pelaburan terbesar dalam sektor bioteknologi di Malaysia buat masa ini.

Menurutnya, projek berkenaan mempunyai potensi

pelaburan keseluruhan bernilai RM3 bilion dalam tempoh 10 tahun manakala bagi jangka masa panjang pula, ia dijangka dapat menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM20.4 bilion.

"Menjelang 2020, ia akan

mewujudkan 2,500 pekerjaan di Malaysia merangkumi 474 pekerja yang akan diambil oleh CJ dan Arkema yang mana daripada jumlah itu, sebanyak 60 peratus terdiri daripada pekerja teknikal dan pekerja berasaskan pengetahuan peringkat ting-

gi seperti ahli mikrobiologi, ahli kimia, jurutera serta bioteknologi.

"Ia selaras dengan model ekonomi baru kerajaan untuk membangunkan tenaga kerja berkualiti dan generasi berpendapatan tinggi menjelang 2020," katanya ketika

sidang media selepas majlis Perasmian Fasiliti Bersepadu Bio-Metionina dan Tiokimia Pertama Dunia di TBK, di sini, semalam.

Majlis perasmian itu disempurnakan Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin.

Hadir sama Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC Datuk Seri Jebasingam Issace John, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Arkema Thierry Le Henaff dan Pengerusi CJ Group Sohn Kyung Shik.

Sementara itu, Sohn berkata, fasiliti bersepadu itu sudah mengeksport kumpulan pertama asid amino penting (EAA) ke Indonesia pada Januari lalu.

Menurutnya, CJ berjaya membangunkan dan mengkomersialkan loji bio-metionina yang pertama di TBK dan percaya ia akan menjadi hab utama bagi syarikat industri bioteknologi pada masa depan.

"Loji ini akan menjadi lokasi strategik untuk pasaran yang baru muncul di China dan Asia," katanya.

FAKTA

Bakal buka 2,500
peluang kerja
di Malaysia
menjelang 2020

Terengganu peneraju pusat bioteknologi negara

Oleh ISWAN SHAFIQ MAT ISA

pengarang@utusan.com.my

■ KEMAMAN 4 JUN

SULTAN Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin yakin kewujudan fasiliti bersepadu biometionina dan tiokimia pertama dunia di sini akan menjadikan negeri ini sebagai pusat perkembangan teknologi baharu dan peneraju bioteknologi.

Menurut baginda, pada masa yang sama, ia turut membolehkan industri bionologi tempatan menimba kepakaran terutama bidang kejuruteraan kimia, dan membangun bersama.

"Di samping itu, ia dapat memberi peluang kepada institusi pengajian tinggi tempatan menjalin kerjasama dengan pemain industri global melalui inisiatif Pusat Kecemerlangan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)," titah baginda menyempurnakan perasmian loji biometionina dan tiokimia di Taman Biopolimer Kertih (KBP), dekat sini hari ini.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Tengku Sri Temenggung Raja yang juga Pengerusi CJ Bio Malaysia Sdn. Bhd., Tengku Baharudin Sultan Mahmud.

Keberangkatan baginda berdua diiringi oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman serta Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri.

Yang hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp), Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC), Datuk Seri Jebasingam Issace John; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Arkema, Thierry Le Henaff dan Pengerusi Kumpulan CJ, Sohn Kyung Shik.

Baginda berharap hubungan baik dan rapat antara kerajaan negeri, ECERDC dan Malaysia Biotech

Corp., ini akan menarik lebih banyak pelabur ke negeri ini dengan segala kemudahan yang tersedia.

Fasiliti bersepadu yang melibatkan pembangunan loji biometionina milik CJ CheilJedang iaitu sebuah syarikat dari Korea Selatan dan Arkema (Perancis) bakal melonjakkan nama negara sebagai antara pemain utama dunia dalam sektor bioteknologi perindustrian mesra alam.

Terletak di kawasan seluas 70 hektar, fasiliti pengeluaran bersepadu itu menggunakan proses penapaian dalam menghasilkan biometionina iaitu sejenis asid amino yang biasa digunakan dalam pembuatan makanan haiwan.

Dipromosikan secara bersama oleh BiotechCorp dan ECERDC, fasiliti yang bernilai RM2.1 bilion itu merupakan perlaburan terbesar dalam sektor bioteknologi negara setakat ini dengan potensi pelaburan keseluruhan sebanyak RM3 bilion dalam tempoh 10 tahun.

Projek ini merupakan satu pencapaian penting dalam agenda bioekonomi nasional bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab biopenapisan.

Ia juga sejajar dengan dasar dan inisiatif kerajaan dalam bioteknologi perindustrian seperti Dasar Bioteknologi Negara, Dasar Pertanian Negara ke-3 (NAP3) Program Fidlut Nasional dan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Difahamkan, fasiliti pengeluaran bersepadu CJ-Arkema ini akan memperkukuhkan lagi sektor petrokimia hiliran dan mempertingkatkan rangkaian nilai dalam kluster petrokimia sedia ada di Kertih.

Projek ini juga akan memanfaatkan bahan mentah tempatan serta perkhidmatan dan kemudahan sedia ada yang terdapat di Kertih sekali gus menjana ekonomi dan perniagaan baharu untuk para pembekal dan penyedia perkhidmatan tempatan seperti Petronas, Terminal Kertih, Pelabuhan Kuantan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan lain-lain penyedia perkhidmatan.



Fasiliti Biometrionina Di Kertih Jadikan Malaysia Pemain Utama Sektor Bioteknologi Dunia

KEMAMAN, 4 Jun (Bernama) -- Pembukaan kompleks bersepadu biometionina dan 'thiochemicals' bernilai RM2.1 bilion di Taman BioPolimer Kertih (KBP) di sini bakal menjadikan Malaysia sebagai pemain utama dalam sektor bioteknologi perindustrian mesra alam.

Fasiliti bersepadu yang dibangunkan CJ Bio Malaysia Sdn Bhd milik CJ CheilJedang Korea bersama Arkema Thiochemicals Sdn Bhd milik Arkema Perancis di kawasan seluas 70 hektar dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) itu merupakan yang pertama di dunia yang menggunakan proses penapisan dalam menghasilkan l-methionine dan asid amino.

"Dengan pelaksanaan projek itu, Malaysia kini merupakan negara pertama di dunia yang menghasilkan biometionina 'hijau' yang bersifat mesra alam," kata Pengerusi CJ Group Sohn Kyung Shik dan Ketua Pegawai Eksekutif Arkema Thiery Le Henaft dalam satu kenyataan bersama sempena pembukaan rasmi fasiliti bersepadu biometionina oleh Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin di sini Khamis.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman, **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Datuk Seri Jabasingam Issace John.

Semasa merasmikan projek itu Sultan Mizan bertitah hubungan baik dan rapat antara kerajaan negeri, ECERDC dan Malaysia Biotech Corp diharap dapat menggalakkan pelabur datang melabur di negeri ini terutama di KBP.

Titah baginda fasiliti bersepadu yang melibatkan pembangunan loji biometionina milik CJ dan Arkema itu bakal melonjakkan nama negara sebagai antara pemain utama dunia dalam sektor bioteknologi perindustrian mesra alam.

Dipromosikan secara bersama oleh Bio-techCorp dan ECERDC, fasiliti itu merupakan perlaburan terbesar dalam sektor bioteknologi negara setakat ini.

Dalam jangka panjang, projek itu dijangka akan menjana pendapatan negara kasar (PNK) sebanyak RM20.4 bilion dan mewujudkan 2,500 pekerjaan 'hijau' menjelang tahun 2020.

Ini termasuk 474 pekerja yang akan diambil dari CJ dan Arkema di mana 60 peratus terdiri daripada pekerja teknikal dan pekerja berasaskan pengetahuan peringkat tinggi seperti ahli mikro-biologi, ahli kimia, jurutera dan ahli bioteknologi.

Ia juga sejajar dengan dasar dan inisiatif kerajaan dalam bioteknologi perindustrian seperti Dasar Bioteknologi Negara, Dasar Pertanian Negara ke-3 (NAP3) Program Fidlot Nasional dan Pelan Induk ECER.

Difahamkan fasiliti pengeluaran bersepadu CJ-Arkema ini akan memperkukuhkan lagi sektor petrokimia hiliran dan mempertingkatkan rangkaian nilai dalam kluster petrokimia sedia ada di Kertih sekaligus menjana ekonomi dan perniagaan baharu untuk para pembekal dan penyedia perkhidmatan tempatan seperti Petronas, Terminal Kertih, Pelabuhan Kuantan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan lain-lain penyedia perkhidmatan.

-- BERNAMA

World's 1st bio-methionine plant

SIM BAK HENG

KERTIH: Malaysia is poised to become a key player in the global industrial biotechnology sector with the official opening of the world's first RM2.1 billion integrated bio-methionine and thiochemicals facility.

The plant is owned by South Korea's CJ CheilJedang and France's Arkema in Kertih Biopolymer Park (KBP), here.

Located on a 70ha site in KBP, the integrated facility will be the first in the world to use fermentation process in producing bio-methionine, an amino acid commonly used in the manufacturing of animal feed.

With the operation of the CJ CheilJedang-Arkema manufacturing facility, Malaysia is now the world's first producer of green bio-methionine.

The facility, which involves the development of CJ's bio-methionine plant and Arkema's thiochemicals platform, was officially launched by the Sultan of Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin yesterday.

Jointly promoted by the East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) and BiotechCorp, the integrated manufacturing facility, here, is the single largest investment in Malaysia's biotechnology sector to date.

The project has a potential total investment of RM3 billion over a period of 10 years.

BioTechCorp chief executive officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal said Malaysia is proud to host the first and largest fermentation based bio-methionine facility in the world, and also Asia's largest thiochemicals platform.

Meanwhile, the CEO of ECERDC, Datuk Seri Jebasingam Issace John said the establishment of CJ-Arkema's integrated facility in KBP marks another major milestone for the East Coast Economic Region as it signifies the region's readiness to receive investments from high value sectors.



Gempa Bumi Sederhana 5.9 Landa Sabah



KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Gempa bumi sederhana bermagnitud 5.9 pada skala Richter berlaku di Ranau, Sabah pada 7.15 pagi ini.

Pusat Gempa Bumi dan Tsunami Nasional dalam kenyataan berkata gegaran dirasai di kebanyakan tempat di Sabah termasuk Ranau, Tambun, Pedalaman, Tuaran, Kota Kinabalu dan Kota Belud.

Pusat gempa tersebut terletak 16km barat laut Ranau.

Jurucakap pusat tersebut ketika dihubungi berkata tiada lagi gempa bumi dilaporkan, sehingga berita ini ditulis.

Ia turut menyebut, [Jabatan Meteorologi](#) sedang memantau perkembangan ini dan akan memaklumkan maklumat terkini.

Sementara itu, tinjauan di media sosial mendapati beberapa netizens berkongsi gambar kerosakan harta benda selain memuat naik status akibat gegaran tersebut.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 05 JUN 2015 (JUMAAT)

Housemate killed over RM8,000 debt

GEORGE TOWN: Over a RM8,000 debt, an Indonesian woman allegedly killed her 38-year-old housemate and dumped the body in Pearl Hill, Tanjung Bungah, here.

The housemate died after the 28-year-old woman allegedly bashed her head against the wall during a quarrel at their flat on May 9.

The woman, a chicken rice stall worker, put the body in a cardboard box before hiring a lorry and driver to dump it in Pearl Hill.

OCPD Asst Comm Mior Faridalathrash Wahid said the woman was arrested at her workplace in Tanjung Bungah at about 1pm on Saturday, eight days after the discovery of the body.

"We were not able to determine the victim's identity as the body was too decomposed, but after a photo of a bracelet worn by her was released, a few friends and her employer came in to assist in investigations.

ACP Mior Faridalathrash said the murder took place at their flat in Tanjung Bungah as traces of blood were found there, adding that police were still looking for the man who helped the suspect dump the body.

"We believe the lorry driver didn't know what was in the box. The lorry has been seized and sent to the **Chemistry Department** to be analysed," he said.

Politeknik lahir graduan penuhi keperluan industri

» Penjenamaan
semula Diploma
Geomatik
capai matlamat

Lepasan sekolah yang bernilai tinggi dalam bidang kemahiran dan teknikal, tetapi tidak berpeluang melanjutkan pendidikan ke universiti, mereka kini boleh meneruskan cita-cita dengan mengikuti pelbagai program yang ditawarkan di politeknik.

Terdapat 33 politeknik di seluruh negara yang menawarkan pelbagai kursus menarik sesuai dengan evolusi teknologi apatah lagi keperluan tenaga mahir sebagai menjadikan politeknik antara tumpuan lepasan persekolahan kini.

Malah, lulusan politeknik mempunyai peluang yang cerah untuk mendapatkan pekerjaan di sektor industri, kerajaan, swasta dan agensi berkaitan selain boleh memohon untuk bertugas di luar negara dengan gaji yang lebih lumayan.

Pengarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Semambu, Kuantan, Pahang, Norlida Abd Razak berkata, beliau bangga dengan pencapaian penuntut institusi itu yang tidak perlu menunggu lama selepas bergraduat untuk menceburi alam pekerjaan kerana mereka memiliki kemahiran yang diperlukan oleh industri.

Norlida berkata, komitmen pensyarah dan kesungguhan pelajar yang diperlihatkan menerusi akademik dan kokurikulum terbukti dengan pelbagai kejayaan dalam pertandingan dan kejohanan sukan.

Sehubungan itu, beliau amat mengalu-alukan ibu bapa untuk menghantar anak mengikuti pelbagai kursus yang ditawarkan politeknik dan tidak hanya fokus kepada melanjutkan pengajian di universiti sahaja," katanya.

POLISAS yang ditubuhkan pada tahun 1976 adalah politeknik kedua tertua di Malaysia dan melahirkan ramai tenaga kerja separa profesional untuk memenuhi pasaran kerja terlatih di dalam dan luar negara.

Sejak ditubuhkan, POLISAS berjaya mengharungi pelbagai cabaran dalam memenuhi misinya menghasilkan modal insan berketrampilan melalui pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja global.

Menawarkan tiga bidang utama iaitu kejuruteraan, perdagangan dan teknologi makanan menerusi 14 program, ia menjadi tumpuan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian.



Pelajar program Diploma Geomatik didedahkan dengan kerja lapangan yang menggunakan peralatan berteknologi tinggi, bagi meningkatkan kemahiran pelajar.

Selain itu, pelbagai usaha dibuat bagi memastikan kursus ditawarkan memenuhi tuntutan pasaran pekerjaan, antaranya melakukan penjenamaan semula program.

Perluas skop

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), POLISAS, Mohd Fikri Ismail, berkata penjenamaan semula Diploma Ukur Tanah kepada Diploma Geomatik sejak satu setengah tahun lalu di Politeknik Malaysia seperti POLISAS Semambu, Kuantan bersesuaian dengan keperluan industri hari ini.

Beliau berkata, pelajar yang mengikuti program ini bukan sahaja menumpukan kepada kerja pengukuran hakmilik dan ukur kejuruteraan, sebaliknya skopnya diperluaskan dengan membabitkan penggunaan Sistem Maklumat

Geografi, Penderian Jauh dan Unmanned Aerial Vehicle (UAV) yang memberi fokus kepada pengumpulan dan penyimpanan data secara digital, dapatan kembali data, olahan dan menganalisis data bagi mendapatkan maklumat baharu yang relevan dalam membuat sesuatu keputusan terhadap kajian dilakukan," katanya.

Kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berminat mengikuti program ini, perlu menepati syarat minimum iaitu memperoleh tiga kepujian dalam mata pelajaran matematik atau matematik tambahan; subjek berkaitan sains, teknologi atau vokasional dan mata pelajaran lain termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Sejarah.

"Kursus membabitkan teori akan berlangsung di bilik kuliah manakala membabitkan praktikal akan diadakan sama ada di makmal atau lapangan.

Peralatan berteknologi tinggi

"Pelajar pasti teruja mengikuti program ini kerana ia membabitkan kerja padang yang menggunakan peralatan berteknologi tinggi seolah-olah pelajar sedang menjalankan tugas sebenar di lapangan," katanya.

Katanya, pelajar pernah menjalankan kerja ukur kejuruteraan di Rompin dan Gambang serta ukur hidrografi di muara Sungai Kuantan sebagai pendedahan awal dalam bidang geomatik sebelum memasuki pasaran kerja yang lebih mencabar.

"Pelajar program ini turut menyertai pertandingan inovasi geomatik geoinformatik kebangsaan (NGGSIC) yang turut disertai institusi pengajian tinggi (IPT) lain yang memberi peluang kepada mereka mengemukakan hasil ciptaan yang tersendiri dalam bi-

ding berkaitan.

Tingkat kemampuan pelajar Pelajar juga turut terabit dalam kerja-kerja ukur hidrografi sebuah syarikat perlombongan emas mendapatkan data profil kedalaman tasik bagi memastikan sejauh mana kemampuan tasik berkenaan menampung sisa pelombongan.

"Seharusnya, ibu bapa dan pelajar lepasan SPM memanfaatkan program ini kerana ia sentiasa berkembang seiring dengan perkembangan teknologi dunia hari ini yang sentiasa 'membekalkan' pelbagai peralatan untuk meneroka sesuatu bidang," katanya.

Beri komitmen penuh

Sementara itu, Dr Mohamad Abdul Rahman yang juga pensyarah JKA berkata, Diploma Geomatik diberi pengiktirafan oleh Lembaga Jurukur Tanah (LJT) dan secara automatik diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Berdasarkan statistik 1Pensyarah5Graduan (1:1.5), dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian, lebih 75 peratus pelajar mendapat pekerjaan malah ada di kalangan mereka yang sedang menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi dalam bidang geomatik.

"Ini adalah satu kejayaan besar bagi POLISAS tambahan pula ia semakin dikenali dengan nama baru Diploma Geomatik dengan jumlah 499 pelajar ketika ini dibimbing 30 pensyarah yang berpengalaman dalam bidang kejuruteraan awam dan pengkhususan masing-masing.

"Justeru, pihak industri, jabatan kerajaan atau swasta serta agensi berkaitan tidak perlu bimbang untuk menerima lepasan Politeknik Malaysia seperti POLISAS dalam bidang geomatik ke-



Norlida Abd Razak



Mohd Fikri Ismail



Dr Mohamad Abdul Rahman

ilmu mereka sudah diberikan latihan dan latihan di lapangan dengan secukupnya sepanjang mengikuti pengajian di sini.

"Saya optimis mereka dapat memberi komitmen yang sepenuhnya jika diberi peluang bekerja dalam industri berkaitan," katanya.

Beliau berkata, lepasan Diploma Geomatik boleh mohon bertugas di sektor awam seperti JUPEM, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Bekalan Air (JBA) Pusat Remote Sensing Negara (MACRES), Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan juga sebagai pensyarah di IPT.

Di sektor swasta pula, lepasan graduan boleh bekerja di firma jurukur berlesen, firma pembinaan, syarikat tenaga dan utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom dan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP).

"Graduan juga boleh memohon bertugas di luar negara dalam bidang minyak dan gas (O&G) serta hidrografi seperti di Dubai di mana ada pelajar kita yang memiliki kerjaya di sana," katanya.

INFO

Politeknik menawarkan 66 program diploma meliputi 13 bidang

- Kejuruteraan Awam
- Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- Kejuruteraan Mekanikal
- Kejuruteraan Petrokimia
- Kejuruteraan Perkapalan
- Kejuruteraan Penyenggaraan Pesawat
- Teknologi Maklumat & Komunikasi
- Perdagangan
- Pelancongan & Hospitaliti
- Reka Bentuk & Komunikasi Visual
- Agroteknologi & Bio Industri
- Teknologi Makanan
- Kemahiran Khas Politeknik